

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 6 TAHUN 1976**

#### **DASAR MENGENAI CARA-CARA MENGATASI DAN MENYELESAIKAN MASALAH PERINTAHAN HARAM**

Masalah Perintahan Tanah Secara Haram dalam Negeri Kelantan ini, terutama mengenai tanah-tanah dalam Jajahan Ulu Kelantan, Tanah Merah, Pasir Puteh dan lain-lain Jajahan telah menjadi satu persoalan yang sering kali ditimbulkan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan. Pihak Kerajaan Negeri telah memberi jawapan beberapa kali bahawa soal perintahan tanah secara haram ini adalah satu soal yang sulit dan rumit sekali hendak mengatasinya dan memerlukan kajian yang teliti tentang implikasinya sebelum langkah-langkah tegas diambil.

2. Tetapi, walau bagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 12.2.1976 selepas mengkaji dan menimbang Kertas Bil.3/60/76 (3) telah bersetuju membuat ketetapan seperti berikut sebagai Dasar untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah perintahan haram ini sebagaimana berikut:-

- a) Tindakan untuk menyelesaikan perintahan haram itu hendaklah berdasarkan kepada kedudukan dan keadaan tiap-tiap satu kes dalam satu-satu jajahan. Tetapi walau bagaimanapun mana-mana tanah yang telah diperintah haram yang ada mengandungi pokok-pokok yang berharga dan mempunyai nilai-nilai dari segi ekonomi dan jika tanah itu tidak diperlukan untuk apa-apa Rancangan Kerajaan maka eloklah ditimbangkan supaya tanah-tanah dalam kawasan itu diberi milik tetap dengan terkena kepad syarat-syarat yang tertentu kepada orang-orang yang telah mengusahakannya.

Tetapi walau bagaimanapun keluasan bagi tiap-tiap lot yang hendak ditimbangkan itu hendaklah terhad kepada setinggi-tinggi lebih kurang 8 ekar sahaja bagi tanah-tanah getah, 2 ekar bagi tanah dusun/padi dan  $\frac{1}{2}$  ekar lot bekas rumah. Kawasan yang diperintah lebih dari had yang ditetapkan ini patutlah dibuat perundingan supaya dapat ditimbang diberi milik kepada anak-anak atau keluarganya yang dipersetujui oleh orang yang telah mengusahakan dengan dikenakan bayaran susah lelah yang berpatutan selain dari bayaran premium yang kena dibayar kepada Kerajaan.

- b) Sebelum penyelesaian dibuat di atas satu-satu kes itu satu laporan yang berupa keras kerja hendaklah disediakan lengkap dengan pelan kawasan berkenaan dan juga key plannya serta senarai orang-orang yang memerintah haram bagi tiap-tiap satu kes atau kawasan yang diperintah itu. (Senarai tersebut hendaklah disediakan mengikut contoh ‘A’).
- c) Kertas Kerja atau laporan itu hendaklah diangkat bagi timbangan Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Dasar Tanah dan Kerajaan bolehlah membuat satu-satu ketetapan berdasarkan keadaan dan kedudukan bagi tiap-tiap satu kes.
- d) Serentak dengan langkah-langkah yang diambil, tindakan tegas yang lebih berkesan hendaklah diambil oleh pihak Pentadbiran Tanah untuk menyekat kawasan-kawasan yang layak dibuka untuk satu-satu kes rancangan pembukaan tanah atau rancangan-rancangan Kerajaan yang lain daripada dicerobohi oleh golongan orang tidak bertanggungjawab.

3. Sebab-sebab Kerajaan membuat ketetapan sebagaimana berikut ialah berdasarkan beberapa faktor bagaimana berikut :-

- a) Sebab-sebab berlakunya pencerobohan itu dan golongan orang-orang yang memerintah haram serta cara dan kedudukan tanah didapati berbeza di antara satu jajahan dengan satu jajahan yang lain, begitu juga di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain.
- b) Kebanyakkan perintahan haram itu dilakukan oleh orang-orang yang belum ada tanah yang terdesak oleh kemiskinan dan ketiadaan pekerjaan tetap yang boleh menjamin masa depan mereka.
- c) Bilangan perintahan haram yang dilakukan oleh orang-orang yang berada yang tamakkan tanah atau dilakukan oleh orang-orang tertentu bagi tujuan untuk memperniagakan tanah adalah kecil sahaja.
- d) Tanah-tanah yang diperintah haram itu terutama sekali di dalam Jajahan Ulu Kelantan dan di Tanah Merah kebanyakannya telah di tanam dengan pokok-pokok getah dan sekarang telah mengeluarkan hasil.

4. Mengikut kajian kasarnya dalam Negeri Kelantan pada masa ini ada 45210 ekar tanah Kerajaan yang telah diperintah haram dan kedudukannya dalam tiap-tiap jajahan adalah seperti berikut :-

a)	Ulu Kelantan	22312 ekar
b)	Tanah Merah	13545 "
c)	Pasir Mas	4458 "
d)	Pasir Puteh	2404 "
e)	Machang	2093 "

f)	Bachok	348	"
g)	Tumpat	46	"
h)	Kota Bharu	1	"
<hr/>			<u>45,210 ekar</u>

5. Dengan perantaraan Pekeliling ini Pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil tindakan yang bersegera bagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 2(b), 2(c), dan 2(d) di atas dan laporannya bolehlah dibuat bagaimana dalam Lampiran ‘A’ yang berkembar, laporan ini bolehlah dibuat berperingkat-peringkat sebaik-baik sahaja selepas dibuat penyiasatan di atas tanah bagi satu-satu kes.

**t.t**  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
 Pengarah Tanah dan Galian  
 Kelantan

**KEPADA:** Semua PHT dan Penolong PHT Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB.Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Semua Pegawai-pegawai Jajahan, Kelantan.

Juru Odit Kelantan.

Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
 KELANTAN,KOTA BHARU.**

PTG. Kn SULIT 23/66/Vol. 3(11)

**BERTARIKH:** 28HB APRIL 1976

## **LAMPIRAN ‘A’**

### **LAPORAN MENGENAI TANAH YANG DIPERINTAH SECARA HARAM\**

Jajahan.....	
1. Tempat Tanah, Mukim dan Daerah	..... ..... .....
2. Di dalam atau di luar Rezab Melayu	..... .....
3. Luas kesemua kawasan yang diperintah haram	..... .....
4. Jenis Tanaman	..... .....
5. Bil. Orang yang memerintah dan luas kawasan yang diperintah oleh tiap-tiap orang serta umur pokok (Lampiran ‘B’)	Bagaimana dalam senarai yang berkembar.
6. Sudah mendatangkan hasil atau tidak/kalau pokok getah, sudahkah boleh ditoreh	..... .....
7. Cara diperintah haram (diketua oleh satu orang atau bersendirian)	..... .....
8. Tanah ini dicadangkan atau termasuk dalam mana-mana Rancangana Kerajaan?	..... ..... .....
9. Pelan Tanah	Bagaimana berkembar
10. Pandangan Pemungut Hasil Tanah	..... ..... .....

**LAMPIRAN ‘B’**

**LUAS DAN SENARAI NAMA-NAMA ORANG YANG TELAH  
MEMERINTAH TANAH KERAJAAN SECARA HARAM**

DI.....

Bil.	Nama	Tanaman	Luas	Lama Memerintah